

Kajian mendapati gaji RM2,500 sebulan tidak cukup untuk tampung kehidupan

Siswazah baru bekerja pokai

Oleh IKHWAN HAZWAH
HAMIDUN dan AHMAD
SHAHERMAN SHAMSURI
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Satu kajian oleh syarikat pengambilalihan pekerja dalam talian, *JobStreet.com* mendapati kebanyakan siswazah yang baru mendapat pekerjaan di Malaysia berdepan kesukaran untuk menanggung kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat dengan gaji bulanan sebanyak RM2,500.

Menurut kajian yang melibatkan 2,062 responden itu, sebanyak 77 peratus daripada mereka memberitahu tidak mempunyai baki wang mencukupi untuk membuat simpanan kerana terpaksa menampung perbelanjaan keperluan.

Kajian turut menunjukkan sebanyak 63 peratus daripada mereka menjelaskan bahawa barangan keperluan yang dimaksudkan itu ialah pinjaman kereta dan pendidikan serta kos pengangkutan yang meningkat ekoran kenaikan harga minyak di pasaran.

"Kira-kira RM1,500 dari-

pada pendapatan bulanan mereka telah dibelanjakan ke atas keperluan tersebut dan untuk menjimatkan kos, separuh daripada mereka tinggal bersama ibu bapa, manakala 30 peratus lagi menyewa secara berkongsi bersama rakan dan 20 peratus sahaja yang membuat keputusan tinggal berseorangan.

"Kajian itu juga mendapati 87 peratus daripada responden tidak memiliki pendapatan sampingan selain pendapatan bulanan mereka, dan disebabkan itu kebanyakan mereka meminta gaji yang tinggi sewaktu sesi temu duga," menurut kajian tersebut.

Kajian ke atas responden yang terdiri daripada siswazah yang baru mendapat pekerjaan di seluruh negara itu dilakukan pada Mac lalu.

Syarikat *JobStreet.com* menyediakan perkhidmatan pekerjaan dalam talian yang memaparkan lebih 150,000 iklan pekerjaan se-

bulan dan memiliki pangkalan data lebih 11 juta pencari kerja.

Dalam pada itu, kajian tersebut juga menjelaskan 60 peratus daripada siswazah berkenaan menyerahkan untuk menerima sekurang-kurangnya RM3,500 sebagai gaji permulaan, manakala 30 peratus lagi meminta sebanyak RM6,500

bagi membolehkan mereka hidup dengan selesa.

Bagaimanapun, 66 peratus daripada majikan yang menyertai kaji selidik itu berpendapat mereka hanya bersedia menawarkan gaji permulaan antara RM2,500 hingga RM2,800 kepada pekerja baharu mereka yang terdiri daripada pemegang ijazah.

"Oleh itu, dengan kenaikan kos sara hidup pada hari ini, ramai siswazah mencari pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi dan menyebabkan majikan yang mahu mendapatkan tenaga



NOORIZUDDIN



PARA siswazah kini menuntut kadar gaji lebih tinggi bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. – Gambar hiasan

kerja dalam kalangan siswazah baharu berdepan dengan masalah kekurangan kakitangan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, gaji RM2,500 sebulan mencukupi dan berkadar dengan kelayakan siswazah baharu kerana ia ditentukan oleh keadaan pasaran.

Jelasnya, 10 tahun lalu, jumlah gaji permulaan yang ditawarkan adalah antara RM1,500 hingga RM1,800 dan kini ia telah meningkat sehingga RM2,500 sebulan.

"Namun begitu, sebarang kenaikan perlu dikawal dan mungkin hanya boleh dinaikkan antara RM150 hingga RM300 kerana sekiranya jumlah tersebut terlalu tinggi mungkin menyebabkan berlaku pula masalah inflasi.

"Apabila berlaku inflasi, jumlah kenaikan tersebut tidak akan bermakna kerana ia terpaksa menampung kenaikan harga barangan yang turut sama meningkat," ujarnya.

Tambah beliau, biarpun jumlah gaji permulaan yang ditawarkan pada ketika ini lebih rendah berbanding negara-negara maju, namun menjelang Malaysia mencapai status negara maju, ia akan dapat disetarakan.